

TEMA 9: Indah Seni, Endah Budaya

DSKP Tatabahasa

Buku Teks: m.s. 106 – 107

Isi tempat kosong di bawah ini dengan frasa yang sesuai. DSKP: SP5.4.1



para pelancong

pameran seni
permainan
tradisional

daripada rotan

menguji tahap
kepintaran

paling cepat

di negara kita

sangat popular

mempunyai
bentuk

di dalam hutan

paling mudah

Kercang ialah sejenis permainan tradisional. Permainan ini (1) sangat popular dalam kalangan masyarakat Orang Asli dan orang Melayu yang tinggal di sekitar Hutan Endau Rompin pada suatu masa dahulu. Namun begitu, semakin hari permainan ini semakin dilupakan oleh masyarakat (2) _____. Oleh itu salah satu cara untuk mempopularkan semula permainan ini adalah dengan mengadakan demonstrasi semasa (3) _____ datang melawat ke kawasan perkampungan Orang Asli atau semasa pihak kerajaan mengadakan (4) _____. Permainan kercang akan dapat menarik perhatian pelancong untuk mencuba bermain permainan ini.

Permainan ini dicipta (5) _____ dan tali. Rotan tersebut akan disusun secara berlapis-lapis mengikut peringkat kesukarannya. Peringkat pertama adalah yang (6) _____, diikuti dengan peringkat kedua, peringkat ketiga, dan peringkat seterusnya. Permainan ini sebenarnya dicipta oleh (7) _____ seseorang. Sesetengah masyarakat Orang Asli menyatakan bahawa kercang ini terdiri daripada pelbagai jenis. Setiap jenis kercang (8) _____ dan cara permainan yang tersendiri.

Secara keseluruhannya, falsafah permainan ini diibaratkan seperti seseorang yang sedang mencari jalan keluar setelah tersesat di dalam hutan. Tali yang boleh digerakkan di antara lapisan-lapisan rotan diumpamakan seperti pengembara yang berjalan dan merentasi pelbagai halangan yang terdapat (9) _____. Lapisan-lapisan rotan itu pula disimbolkan sebagai keadaan alam bumi yang terdapat di dalam hutan seperti lurah, gaung, permatang, dan sebagainya. Pemain yang (10) _____ membebaskan tali yang terperangkap di tengah-tengah lapisan kercang dianggap sebagai pemenang dalam permainan ini.

